

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/5/2016

Muka surat: 13

Tajuk : UNIMAS telah dikunjungi delegasi Bank Dunia

UNIMAS telah dikunjungi delegasi Bank Dunia

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini telah dikunjungi delegasi daripada Bank Dunia di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin, UNIMAS.

Delegasi yang terdiri daripada Ketua Ekonomi Bank Dunia Asia Timur dan Pasifik Dr Sudhir Shetty bersama Dr Julio E. Revilla, Rafael Munoz Moreno dan diiringi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Operasi) Datu Ose Murang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, pihak pengurusan universiti, dekan fakulti dan pengarah, serta pelajar turut hadir memeriahkan majlis.

Sempena lawatan tersebut, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan menjadi tuan rumah sesi ceramah khas yang disampaikan Dr Sudhir.

Satu sesi dialog yang melibatkan perwakilan Bank Dunia dan penonton telah diadakan selepas ceramah tersebut.

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselori